

Shakir tenang hadapi dugaan

Berita Harian, 28 December 2014, Page 19

Article is not available on microfilm

Printer-Friendly Page

Shakir tenang hadapi dugaan

Juara dunia kekal fokus merebut emas kedua di gelanggang dunia

Larutan pakar kejuruan bela diri bagi pendak negara yang kekal berprestasi dalam Kejuaraan Pencak Silat Dunia ke-16 di Phuket, Thailand, tidak dapat fikirkan Shaker Juara, dan pendak emas, Shaker Partan Sheri Alim (sila, berkecuali) pertunjukan mereka dengan NORMAN SÄWI (normans@sph.com.sg) menjangka pertandingan yang ini

NORMAN SÄWI (normans@sph.com.sg)

SEMALAM Shakir Juanda melangkah ke 'gelanggang' paling penting dalam hidupnya, tetapi beliau akur tumpuannya lebih kepada cabaran yang bakal dihadapi minggu depan.

Shakir, 26 tahun, mengakhiri zaman bujangnya apabila beliau bernikah dengan tunangnya, Nur Shafiqah Ghazali, 22 tahun, dalam majlis yang disaksikan keluarga dan sahabat handai.

Walau gembira dan bersyukur kerana kini bergelar suami, Shakir akur tidak dapat meraikan mercu tanda hidup itu secara keterlaluan kerana terlalu fokus pada matlamatnya.

Terpaku di radar sasarannya ialah kejuaraan kedua di Kejuaraan Pencak Silat Dunia yang berlangsung dari 7 hingga 17 Januari di Phuket, Thailand.

Dalam 2012, beliau memenangi acara tanding kelas I (85-90 kilogram) di Chiang Rai, Thailand.

Namun kali ini, Shakir yang berdiri 1.73 meter dan bertubuh lebih sasa – 85 kilogram otot padat – mendamba emas dalam kelas H (80 hingga 85 kilogram).

Berbeza dengan keadaannya dua tahun lalu apabila beliau bertanding tanpa dikenali ramai dan tanpa tekanan tambahan, kini Shakir maklum lebih banyak mata tertumpu ke arahnya kali ini.

"Bagi saya ini lumrah pertandingan. Saya akur pertandingan ini lebih bermakna bagi saya, berlatarkan kemenangan saya dua tahun lalu dan status baru saya sebagai suami.

"Namun saya rasa biasa sahaja... tiada tekanan tambahan. Saya tidak takut apa yang belum pasti," kata Shakir, separuh berfalsafah.

Menurut Shakir, salah satu sebab beliau utama begitu fokus kali ini ialah kerana beliau menerima sokongan psikologi sukan dari pakar di Institut Sukan Singapura (SSI).

Satu perubahan ketara dalam persiapannya kali ini ialah beliau tidak lagi berfikir tentang lawannya.

"Saya cuba berfikir positif. Daripada bimbang tentang lawan atau kekuatan lawan saya di Phuket nanti, saya tumpukan pemikiran saya pada kekuatan diri saya sendiri... itu yang lebih penting," kata Shakir, ikhlas.

Penerima Biasiswa Spex – diberikan kepada atlit elit negara – itu berharap lawatannya ke Thailand akan berkalung emas sekali lagi.

Di Chiang Rai dua tahun lalu, Shakir mengatasi jangkakan demi menewaskan

sembilan pesilat dari Eropah dan rantau ini, termasuk juara Vietnam Le Ki Sien dalam final yang disaing sengit.

Sebelum 2012, beliau hanya berjaya meraih gangsa (2010) dan tempat keempat dalam 2007.

Malangnya, momentum kemenangannya 'diluntur' Le, yang menewaskannya di Sukan Asia Tenggara (SEA) Myanmar tahun lalu – melupakan harapannya mengutip emas temasya sukan dwitahun yang kekal 'terlepas' daripada genggamannya. Beliau memiliki pingat perak (2009) dan dua gangsa (2011 dan 2013).

Namun, Shakir pantas bangkit daripada kekecewaan itu.


Sejak kemenangannya di Kejohanan Kejohanan Pencak Silat Terbuka di Belgium Mei lalu, beliau telah memenangi beberapa emas lain termasuk di Terbuka Uzbekistan Oktober lalu.

Rabu ini, beliau akan menyertai rakan sepasukan bagi latihan pusat yang bermula hari ini – beliau diberi cuti tiga hari bagi merayakan perkahwinannya.

Kata Shakir beliau senang hati kerana menerima sokongan padu isteri dan kededua keluarga dalam tempoh yang mencabar ini.

Nasibnya di Phuket nanti hanya boleh ditentukan Tuhan, tambahnya.

"Latihan telah dilakukan... kini saya hanya buktikan kemampuan. Harap saya ada rezeki nanti," ujarnya, mudah.



TIDAK TENANG: Walau sedia perhailan akan bertemu kepada di Kejohanan Pencak Silat Dunia ke-16 di Phuket bulan depan, juara dunia ini berkata beliau tidak bergegas sebarang tindakan tambahan. – Foto-foto TAUFIK A KADIR

– Foto-foto TAUFIK A KADIR